KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN
# MUTU JAWAPAN

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
## TAHUN 2022

SEJARAH
KERTAS 2
1249/2



## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1249/2 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Subjektif |
| Markah Penuh | : | 100 Markah |
| Masa | : | 2 Jam 30 Minit |

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

| | | |
|---|---|---|
| **Bahagian A** | : | Mengandungi 4 soalan struktur.<br>Semua soalan wajib dijawab.<br>Setiap soalan memperuntukkan 10 markah. |
| **Bahagian B** | : | Mengandungi 5 soalan esei.<br>Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja.<br>Setiap soalan memperuntukkan 20 markah. |

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan bahagian A dengan baik. Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugasan terutamanya soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Namun, terdapat segelintir calon yang masih kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik.

#### 2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai. Bagi soalan KBAT, calon berupaya memberi respons yang sesuai dengan kehendak soalan. Malahan, calon berupaya berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang baik dan membuat inferens yang tepat.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini mampu menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan. Ramai calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubung kait dengan fakta sejarah terutamanya bagi soalan KBAT. Selain itu, calon menghuraikan fakta yang terhad dan laras bahasa yang digunakan kurang menarik.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

1 (*a*) Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?

Calon perlu menyatakan sebab British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu adalah untuk melicinkan pentadbiran. Selain itu, British ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya. Seterusnya, British ingin menguasai hasil bahan mentah di tanah Melayu

Calon dapat menyatakan dengan tepat tiga sebab British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

British memperkenalkan malayan Union di Tanah melayu untuk ~~menggunakan~~ menggantikan BMA. Selain itu, British hendak memupuk perpaduan kaum antara rakyat. Seterusnya, British mahu melicinkan pentadbiran di Tanah melayu.

Calon hanya dapat menyatakan dua sebab British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. Fakta memupuk perpaduan kaum bukan sebab Malayan Union diperkenalkan.

**Soalan 1 (b)**

(*b*) Jelaskan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

Calon perlu menjelaskan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British disebabkan masalah pewarisan takhta. Vyner Brooke tidak ingin menyerahkan kuasa pentadbiran Sarawak kepada anak saudaranya, ~~Charles~~ Anthony Brooke. Vyner Brooke mengalami masalah kewangan dan tidak mampu memajukan ekonomi Sarawak.

Calon dapat menjelaskan dua sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British. Setiap sebab disertakan dengan satu huraian.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Faktor Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British kerana enggan menyerahkan Sarawak kepada anak saudaranya Anthony Brooke serta faktor tua dan uzur.

Calon hanya mampu menjelaskan dua huraian sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British tanpa menyatakan fakta utamanya iaitu masalah pewarisan takhta.

**Soalan 1 (c)**

(*c*) Apakah kesan tindakan British dan Vyner Brooke tersebut?
Jelaskan.

Calon dikehendaki menjelaskan kesan tindakan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu dan tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Kesan tindakan British dan Vyner Brooke tersebut telah mendapat penentangan daripada penduduk tempatan. Hal ini kerana Vyner Brooke telah melanggar Perlembagaan 1941 yang menyatakan kuasa pentadbiran akan diberikan kepada penduduk tempatan. Penduduk tempatan menentang dengan mengadakan demostrasi secara beramai-ramai. Selain itu, mereka membuat bantahan melalui akhbar yang dinamakan sebagai Utusan Sarawak. Seterusnya, membuat bantahan melalui kaum ibu-ibu. Akhir sekali, menubuhkan Rukun 13 sebagai gerakan anti penyerahan.

Calon dapat menjelaskan kesan tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British yang dihuraikan secara mendalam berserta contoh yang tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Kesan tindakan British dan Vyner Brooke tersebut ialah ~~pendud~~ meningkatkan kemarahan penduduk Sarawak. Hal ini kerana tindakan British dan Vyner Brooke melanggar perjanjian antara penduduk sarawak. Hal ini seperti Vyner Brooke melanggar perlembagaan 1941. Perlembagaan ini menyatakan bahawa penduduk Sarawak akan mentadbir kerajaan sendiri.

Calon hanya dapat menjelaskan satu kesan tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British dengan satu huraian. Namun, huraian berikutnya tidak diberi markah kerana membawa maksud yang sama.

**Soalan 2 (a)**

(*a*) Jelaskan maksud merdeka.

Calon dikehendaki menjelaskan maksud merdeka.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Merdeka bermaksud tidak dijajah oleh kuasa asing sesebuah negara atau seseorang individu. Merdeka bermaksud kuasa tertinggi untuk mentadbir sesebuah kerajaan tanpa sebarang naungan atau jajahan.

Calon dapat menjelaskan maksud merdeka dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Maksud merdeka ialah negara Melayu bebas dari penjajahan asing.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada maksud merdeka.

**Soalan 2 (b)**

(*b*) Jelaskan **dua** perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956.

Calon dikehendaki menjelaskan dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan ialah jawatan hal ehwal ekonomi diberi kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, menuntut kemerdekaan Tanah Melayu tidak lebih dari tarikh 31 Ogos 1957. Seterusnya, Tanah Melayu perlu membayar ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan.

Calon dapat menjelaskan tiga perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956 dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956 ialah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu perlu membayar ganti rugi kepada pegawai British yang digantikan. Seterusnya, ~~[illegible]~~ menandatangani kerjasama antara Persekutuan Tanah Melayu dan negara Komanwell contohnya daripada segi ketenteraan dan ekonomi

Calon hanya dapat menjelaskan dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada bulan Januari hingga bulan Februari tahun 1956 tanpa huraian.

**Soalan 2 (c)**

(c) Baca pernyataan berikut.

| |
|---|
| Masyarakat yang merdeka juga perlu sentiasa menghayati erti pengorbanan dalam kehidupan untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk penjajahan baharu.<br>Sumber ubah suai: hmetro.com.my |

Huraikan pernyataan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan jawapan berdasarkan pernyataan yang diberikan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Masyarakat pada masa ini perlu menghayati dan mengambil iktibar tentang pengorbanan tokoh-tokoh negara agar dapat dijadikan pedoman hidup untuk menghadapi bentuk penjajahan baharu. Hal ini kerana, apabila masyarakat sentiasa bersedia untuk menghadapi penjajahan, ini akan menyebabkan kemakmuran dan kedaulatan negara terjamin. Selain itu, masyarakat perlu rela berkorban demi negara. Hal ini kerana, keamanan negara dapat dicapai dan penjajahan ini dapat dihapuskan.

Calon berjaya menghuraikan jawapan berdasarkan pernyataan yang diberikan dengan mengemukakan fakta dan huraian yang mendalam.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

masyarakat yang meraikan kemerdekaan haruslah sentiasa menghayati maksud pengorbanan dalam kehidupan untuk melawan dengan pelbagai bentuk penjajahan baharu. hal ini kerana banyak generasi muda yang kurang mengambil berat akan hal tersebut.

Calon dapat menyatakan dua maklumat yang terkandung dalam pernyataan dan memberikan sedikit ulasan.

**Soalan 3 (a)(i)**

Di Malaysia, konsep pengasingan kuasa dilaksanakan secara fungsian.

Sumber: bharian.com.my 13 September 2021

(*a*) Jelaskan fungsi badan pemerintahan berikut:

(i) Badan Perundangan (Legislatif).

Calon dikehendaki menjelaskan fungsi Badan Perundangan (Legislatif)

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Badan perundangan ialah badan yang berkuasa menggubal undang-undang Persekutuan dan Parlimen adalah badan yang menggubal undang-undang. Parlimen ≠ terdiri daripada dewan rakyat dan Dewan Negara.

Calon dapat menjelaskan fungsi Badan Perundangan (Legislatif) dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Badan perundangan berperanan untuk menggubal undang-undang atas persetujuan Yang Di-Pertuan Agong.

Calon hanya dapat menjelaskan satu fungsi Badan Perundangan (Legislatif) sahaja

**Soalan 3 (a)(ii)**

(ii) Badan Eksekutif (Jemaah Menteri).

Calon dikehendaki menjelaskan fungsi Badan Eksekutif (Jemaah Menteri)

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Badan Eksekutif diketuai oleh Perdana Menteri. Selain itu, Jemaah Menteri bertanggungjawab melaksanakan dasar kerajaan yang telah digubal. Jika Menteri tidak bersetuju dengan mana-mana dasar kerajaan. Menteri dikehendaki meletak jawatah.

Calon dapat menjelaskan tiga fungsi Badan Badan Eksekutif (Jemaah Menteri) dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Badan eksekutif berperanan mengawasi pentadbiran sebuah negara.

Calon hanya dapat menjelaskan satu fungsi Badan Eksekutif (Jemaah Menteri) sahaja.

**Soalan 3 (a)(iii)**

(iii) Badan Kehakiman.

Calon dikehendaki menjelaskan fungsi Badan Kehakiman.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Badan kehakiman dikeluai oleh Hakim Negara.
Hakim perlu bebas pengaruh politik dan bersifat adil.
Seterusnya, Hakim perlu mengadili pertikaian yang berlaku antara pemerintah dan rakyat.

Calon dapat menjelaskan tiga fungsi Badan Kehakiman dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Badan kehakiman untuk mengadili dan menyelesaikan masalah serta penasihat di mahkamah

Calon hanya dapat menjelaskan satu fungsi Badan Kehakiman sahaja. Fungsi sebagai penasihat di mahkamah tidak tepat.

**Soalan 3 (b)**

(*b*) Mengapakah konsep pengasingan kuasa penting?

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan konsep pengasingan kuasa.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Konsep pengasingan kuasa penting untuk mengekalkan kestabilan politik dalam negara. Hal ini kerana pentadbiran negara dapat dilicinkan dan keadaan kucar-kacir dapat dielakkan dalam pentadbiran negara. Contohnya, pengasingan kuasa bagi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan yang mengadakan senarai kuasa bagi kedua-kedua kerajaan. Dengan ini keamanan dan kesejahteraan negara dapat dijamin. Pengasingan kuasa dapat elakkan pertindihan antara badan pentadbiran kerajaan dan dapat mengelakkan ketamakan kuasa dalam kalangan pentadbir

Calon dapat menjelaskan kepentingan konsep pengasingan kuasa dengan huraian dan contoh yang tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Konsep pengasingan kuasa penting kerana untuk memudahkan kerja-kerja. Selain itu, untuk mengelakkan perselisihan faham

Calon hanya dapat mengemukakan dua kepentingan konsep pengasingan kuasa sahaja.

## Soalan 4 (a)

**4** Bidang sukan dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum.

Sumber: sinarharian.com.my, 4 Disember 2019

(*a*) Nyatakan **dua** sukan yang terdapat di Malaysia untuk memupuk perpaduan kaum.

(i) ........................................................................

(ii) ........................................................................

Calon dikehendaki menyatakan dua jenis sukan yang dapat memupuk perpaduan kaum.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(i) Sueqn SEA

(ii) SUKMA Sukan Mataysia

(iii) hoki pia1a dunia

(iv) RIMUP

v) dasar 1murid pjucan

Calon dapat menyatakan pelbagai jenis sukan yang dapat memupuk perpaduan kaum di Malaysia dengan melebihi peruntukan markah.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i) Sukan tradisional

(ii) Sukan bola Sepak dan Sukan moden

Calon hanya dapat menyatakan hanya satu jenis sukan sahaja yang dapat memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

**Soalan 4 (b)**

(*b*) Bagaimanakah sukan dapat memupuk perpaduan?

Calon perlu menjelaskan peranan sukan dalam memupuk perpaduan kaum.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Sukan dapat memupuk perpaduan dengan sebab atlit sukan terdiri daripada pelbagai kaum. Seperti sukan bola sepak yang dimainkan pelbagai kaum. Selain itu, semangat patriotisme terbentuk apabila atlit sukan bermain mewakili negara dan mendapat sokongan daripada seluruh rakyat. Contohnya, apabila Dato' Lee Chong Wei mewakili Malaysia di pentas Olimpik. Semua rakyat dari pelbagai kaum menyokongnya. Kesannya, rakyat mula bersatu padu.

Calon dapat menjelaskan peranan sukan dalam memupuk perpaduan kaum dengan tepat, huraian yang mendalam berserta contoh dan inferens yang sesuai.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Sukan dapat memupuk perpaduan dengan mewujudkan sifat keharmonian dikalangan masyarakat dan sifat hormat menghormati di antara satu samalain. Seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.

Calon dapat menjelaskan dua peranan sukan dalam memupuk perpaduan kaum tanpa huraian.

**Soalan 4 (c)**

(c) Beri cadangan anda untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan.

Calon perlu mencadangkan usaha atau langkah untuk memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Selain sukan, perpaduan kaum boleh dikukuh melalui aktiviti sosial seperti gotong royong. Hal ini supaya masyarakat melakukan aktiviti bersama-sama. Selain itu, menghayati rukun negara kerana ia mempunyai nilai-nilai kebersamaan sebagai satu negara. Seterusnya, penglibatan semua kaum dalam pemerintahan agar semua kaum dapat merasai memerintah. Di samping itu, mengadakan sambutan seperti sambutan Hari Kebangsaan agar rakyat menghayati semangat perpaduan kaum dan kepelbagaian kaum di negara kita.

Calon dapat mencadangkan empat langkah untuk memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan dengan tepat berserta huraian yang jelas dan contoh yang sesuai.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Cadangan saya untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan adalah dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk kehidupan harian untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum kita juga boleh tidak mengasingkan tempat pekerjaan antara kaum dalam memajukan ekonomi negara. Kesannya, hal ini mampu meningkatkan imej negara di persada dunia
Oleh itu, ekonomi negara akan dinikmati bersama rakyat Malaysia.

Calon dapat mencadangkan dua langkah untuk memperkukuh perpaduan kaum di negara kita selain melalui sukan. Namun, inferens tidak relevan dengan cadangan yang dikemukakan.

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

a) Menguasai semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran.
b) Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) beserta buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
c) Membaca bahan tambahan lain berkaitan topik buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
d) Membuat rujukan tambahan melalui kod QR dan info grafik serta latihan yang disediakan dalam buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 KSSM.
e) Mengukuhkan pengetahuan berkaitan isu semasa bagi menjawab soalan KBAT.
f) Meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan. Contohnya, menggunakan koleksi soalan-soalan percubaan negeri.
g) Meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum menjawab soalan yang dikemukakan.
h) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa dengan betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
i) Memahami dan meneliti maklumat yang terkandung dalam soalan yang merujuk kepada petikan atau grafik.
j) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

### 2.3.2 Guru

a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
c) Mendedahkan murid kepada cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
d) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
e) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
f) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal (intervensi).
g) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
h) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
i) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

## 2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

### 2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan bahagian B dengan baik kecuali soalan 7. Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugasan dan memenuhi peruntukan markah. Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) banyak membantu calon memperoleh markah. Namun, terdapat segelintir calon yang masih kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik terutamanya di ceraian (a) dan (b).

### 2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai terutamanya bagi soalan 5, soalan 6, soalan 8 dan soalan 9. Bagi soalan KBAT, calon dapat menguasai maklumat yang diberi dalam petikan. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan jawapan yang diberi mempunyai huraian yang mendalam dan contoh serta inferens yang relevan.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini gagal mengemukakan isi jawapan yang mencukupi berdasarkan peruntukan markah. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan tugasan menyebabkan jawapan mereka tidak relevan untuk diberikan markah. Ramai juga calon yang memberikan jawapan secara umum sahaja berdasarkan pengetahuan am yang mereka miliki.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 5 (a)

5 Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai sistem pentadbiran yang sistematik sebelum kedatangan Barat.

(*a*) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

5. a) Ciri - ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah mempunyai
pemerintah iaitu Raja. Raja merupakan tonggak utama bagi Kesultanan
Melayu Melaka. Raja berkuasa secara mutlak. Selain itu, terdapat juga
rakyat. Rakyat merupakan golongan yang diperintah dan terikat dengan
undang - undang. Rakyat perlu taat setia kepada Raja. Di samping itu,
berdaulat kepada negara sama ada melalui sistem kerah atau serah. ~~Kera~~
Kesultanan Melayu Melaka juga mempunyai undang - undang. Seterusnya,
mempunyai wilayah pengaruh yang diterima rakyat. Akhir sekali, mempunyai
lambang kebesaran. Contohnya, cap mohor.

Calon dapat mengemukakan lima ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka yang dihuraikan kecuali ciri undang-undang dan wilayah pengaruh.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

a) Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka
ialah mempunyai Sultan. Sultan berperanan dalam
mengetuai pemerintahan negara. Selain itu, Sultan dalam
~~mengetuai~~ mengetuai dalam mengawal isu peperangan.
Seterusnya, Sultan dibantu oleh Bendahara dalam mengawal
hal ehwal negara. Di samping itu Sultan akan dibantu
oleh Pembesar Empat Lipatan.

Calon hanya dapat mengemukakan satu ciri berserta tiga huraian sahaja.

**Soalan 5 (b)**

(*b*) Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan.

Terangkan sistem pentadbiran tersebut.

Calon dikehendaki menerangkan sistem pentadbiran Pembesar Empat Lipatan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(b) Sistem pentadbiran ~~kesultan~~ ~~me~~ Kesultan Melayu Melaka dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Sistem tersebut merangkumi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Sistem ini terdiri dari pentadbiran peringkat pusat dan peringkat jajahan.

Bendahara berperanan sebagai ketua pentadbir. Bendahara juga dikenali sebagai ketua turus angkatan tentera. Bendahara menjadi penasihat sultan dan dikenali sebagai pemangku sultan.

Seterusnya, penghulu Bendahari berperanan untuk menguruskan perbendaharaan kerajaan Melayu Melaka. Syahbandar bertanggungjawab mengutip cukai di kota Melaka manakala pembesar yang lain mengutip cukai di kawasan masing-masing.

Di samping itu, peranan Temenggung ialah menjaga keselamatan kota Melaka. Seterusnya, Laksamana pula berperanan ~~sebar~~ sebagai Panglima angkatan laut Melaka.

Calon dapat mengemukakan jawatan pembesar dalam sistem Pembesar Empat Lipatan berserta dengan peranan yang tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

B) Sistem pembesar empat lipatan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan sultan. Sistem pembesar lipatan terbahagi kepada empat iaitu bendahari, penghulu bendahari, ~~temenggung~~ Temenggung dan laksamana tidak terkecuali juga syahbandar. Tugas bendahari adalah pembantu sultan. Hal ini demikian kerana jawatan bendahari berada di bawah sultan. Beliau juga dianggap orang penting secara pentadbiran. Seterusnya, penghulu ~~bendahari~~ bendahari ditugaskan untuk mengutip cukai di kalangan penduduk. Hal ini kerana pengutipan cukai penting bagi sesebuah kerajaan untuk memastikan sektor ekonomi stabil. Selain itu, laksamana juga ditugaskan untuk menjaga keamanan negeri Melaka. Sebagai contoh, kesalahan mencuri akan ditangkap oleh laksamana dan ~~ditangkap~~. dihadapkan ke sultan. Temenggung juga mempunyai peranan sendiri dengan memastikan perairan selamat. Syahbandar ditugaskan untuk mengutip cukai di pelabuhan.

Calon dapat mengemukakan jawatan yang wujud dalam sistem Pembesar Empat Lipatan namun tidak dapat menyatakan peranan pembesar tersebut dengan tepat kecuali jawatan Syahbandar.

**Soalan 5 (c)**

(c) Baca petikan berikut.

> Warisan dan budaya tanah air adalah khazanah tidak ternilai yang mesti dilindungi dan dipelihara, supaya terus menjadi kebanggaan semua. Ia bakal menjadi tatapan generasi seterusnya, kerana tamadun serta aspek sejarah yang lampau amat penting dalam pembentukan identiti bangsa dan negara.
>
> Sumber:https://www.bharian.com.my

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

c) Mesej yang terkandung dalam petikan tersebut ialah warisan dan budaya tradisional amat penting untuk dikekalkan. Hal ini kerana, warisan dan budaya tradisional dapat ~~menjagi~~ menjadi kebanggaan masyarakat akan datang terutamanya generasi muda bagi memupuk perasaan cinta akan negara. Kesannya, generasi muda dapat ~~mengha~~ menghargai hasil warisan dan budaya tradisional yang terdahulu.

Selain itu, warisan dan budaya tanah air juga akan menjadi tatapan generasi seterusnya. Hal ini demikian, kerana, mereka dapat mempelajari nilai yang baik seperti disiplin dan patuh ~~akan~~ pada undang-undang yang terdapat dalam warisan dan budaya tanah air. Kesannya, warisan dan budaya tanah air dapat membentuk jati diri bangsa dan identiti negara yang maju dan makmur.

Calon dapat menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan secara mendalam dan menunjukkan kematangan calon dengan memberikan contoh yang relevan serta membuat inferens yang tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

c) warisan/ budaya tanah air haruslah dipelihara kerana ia merupakan
khazanah yang tidak ternilai. ~~[illegible]~~ ~~[illegible]~~ ~~[illegible]~~ ~~[illegible]~~
[illegible], warisan/ budaya tanah air mestilah dilindungi agar bak kata
pepatah " tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas". ~~kemudian~~ Seterusnya,
~~Budaya~~ warisan/ budaya juga amat penting kerana [illegible] merupakan
~~[illegible]~~ ~~[illegible]~~ kebanggaan kita semua. [illegible] untuk membentuk
identiti bangsa dan negara, tamadun serta aspek sejarah. amat penting.

Calon hanya dapat mengemukakan lima mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

**Soalan 6 (a)**

(*a*) Terangkan faktor Jepun menakluki Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Calon dikehendaki menerangkan faktor Jepun menakluk Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

6 a) Faktor Jepun menakluki Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah ialah kerana keperluan ekonomi.
Keperluan ekonomi negara Jepun melibatkan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah kerana pembaharuan Meiji.
Jepun sebagai kuasa yang besar memerlukan sumber kegiatan ekonomi yang banyak untuk bersaing dengan kuasa Barat.
Di Miri, Sarawak, Jepun memerlukan hasil galian minyak.
Di Tanah Melayu, Jepun memerlukan hasil kegiatan ekonomi seperti emas, bijih timah dan getah.
Faktor lain ialah kedudukan strategik Tanah Melayu.
Jepun ingin menguasai Tanah Melayu di bahagian hujung berdekatan dengan Singapura kerana ingin meluaskan kuasa di Sumatera.
Jepun juga ingin menguasai Sabah dan Sarawak kerana ingin meluaskan kuasanya di ~~barat~~ bahagian Sarawak dan Sabah.
Jepun juga ingin menguasai telaga minyak.

Calon dapat menerangkan dua faktor penaklukan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah dengan huraian yang jelas.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

a) Faktor Jepun menakluki Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak ialah untuk mengeksploitasi sumber bahan mentah. Hal ini kerana Tanah Melayu kaya dengan sumber bahan mentah seperti petroluem, bijih timah dan arang batu. Selain itu, ingin mempunyai tempat pelabuhan yang strategik. Akhir sekali, ingin

Calon dapat menerangkan faktor ekonomi dengan huraian yang jelas manakala faktor kedudukan strategik tidak disertakan dengan huraian.

**Soalan 6 (b)**

(*b*) Bagaimanakah dasar pentadbiran Jepun di negara kita?

Calon perlu menerangkan dasar pentadbiran Jepun di negara kita.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(b) Dasar pentadbiran Jepun di negara kita ialah Jepun melayan penduduk Tanah Melayu dengan layanan berbeza. Penduduk melayu dan peribumi dilayan dengan baik untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan ~~me~~ ~~pa~~ orang Melayu dan golongan peribumi. Seterusnya, Tentera Jepun turut melayan orang India dengan baik. Tentera Jepun turut menubuhkan pasukan tentera India. Hal ini kerana, ingin menakluki negara India. Manakala, orang cina dilayan dengan kejam akibat perang China-Jepun yang berlaku. Tentera Jepun memaksa orang Cina membayar pampasan yang tinggi.

Seterusnya, Jepun memansuhkan sekolah Inggeris. Tentera Jepun menggunakan sekolah Inggeris sebagai tempat pentadbiran. Tentera Jepun ~~menabah~~ menambah pelajaran Jepun di dalam sekolah.

Di samping itu, catuan makanan dilaksanakan. Hal ini kerana, tanah melayu mengalami kekurangan makanan. Tentera Jepun menggalakkan penduduk Tanah melayu membuat makanan sendiri. Hal ini menyebabkan penduduk Tanah Melayu kreatif dalam pembuatan makanan contohnya membuat tempe menggunakan biji getah.

Seterusnya, penduduk Tanah Melayu juga diperlakukan dengan kejam oleh Tentera Jepun. Tentera Jepun telah memaksa penduduk Tanah Melayu menjadi buruh dalam pembinaan kereta api maut. Hal ini menyebabkan merebak penyakit berjangkit dan kematian.

Calon dapat menerangkan dasar pentadbiran Jepun di negara kita dari aspek politik, ekonomi dan sosial dengan huraian yang jelas.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

b) Dasar pentadbiran ~~dr~~ Jepun merupakan antara pentadbiran
yang kejam. Seterusnya Jepun akan membunuh rakyat yang
bekerjasama dengan MPAJA. Seterusnya, Jepun akan merampas
barang-barang berharga rakyat. Sekiranya diketahui rakyat
tersebut menyokong MPAJA. Seterusnya, Jepun bersikap kejam kepada
rakyat yang tidak bersalah seperti memancung kepala atau
menggantungkan rakyat sehingga mati. Jepun juga membuat
cagaran pendidikan. Seterusnya, Jepun menggalakkan semua pelajar
Sekolah Melayu, agar menyanyikan lagu kebangsaan negara
Jepun. Konklusinya, kita tidak boleh membiarkan
hak orang Melayu diambil oleh pentadbiran asing lagi

Calon hanya dapat menerangkan dua dasar pentadbiran Jepun dalam bidang sosial iaitu kekejaman dan pendidikan tetapi huraian banyak tertumpu kepada aspek kekejaman Jepun sahaja.

**Soalan 6 (c)**

(*c*) Impak (kesan) pendudukan Jepun di negara kita ialah hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan.

Sumber: https://www.ukessays.com, *Major Effects Japanese Occupation Malaya History Essay.*

Huraikan kesan tersebut terhadap negara.

Calon perlu menghuraikan kesan hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan akibat daripada pendudukan Jepun di negara kita.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

c) Kesan hubungan renggang ~~kepada ke~~ antara penduduk tempatan kepada negara ialah keselamatan negara terjejas. Hal ini disebabkan oleh tiadanya kesetiaan dan kesatupaduan rakyat kepada negara. Kerannya, rakyat mudah bergaduh dan konflik antara masyarakat ~~m~~senang berlaku. Hasilnya, kuasa luar mudah mengambil kesempatan kepada kondisi negara ~~yang~~ disebabkan rakyat yang menikam belakang sesama sendiri. Hasil daripada itu, penjajahan baharu negara oleh kuasa asing akan berlaku. ~~Selain itu~~ Selanjutnya, rakyat yang tidak sefahaman tidak akan menjejaskan ketenteraan negara kerana mereka tiada semangat patriotik dan tidak sayang akan bangsa negara mereka. Justeru itu, pemerintah negara perlu memelihara keharmonian negara supaya kemerdekaan negara dapat dikekalkan.

Calon berupaya membuktikan kesan hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan akibat daripada pendudukan Jepun di negara kita dengan mengemukakan fakta dan huraian yang jelas.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

c) Kesan yang berlaku terhadap negara
ialah penduduk tidak mengambil peduli tentang
masalah yang dihadapi oleh negara.
Hal ini demikian penduduk tempatan tidak
mempunyai perasaan nasionalisme terhadap negara.
Contohnya tidak berdiri ketika lagu negaraku
didengarkan. Oleh itu, kita hendaklah menegur kelakuan
mereka agar mereka tidak mengulanginya lagi.
Selain itu, negara akan menjadi huru-hara.
Hal ini demikian kerana penduduk tempatan
tidak memiliki kesepakatan dalam diri mereka yang
menyebabkan berlakunya pergaduhan
Janganlah berbuat kekacauan di negara agar
pergaduhan tidak berlaku.

Calon dapat mengemukakan dua kesan hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan akibat daripada pendudukan Jepun di negara kita. Namun, huraian pada perenggan pertama tidak relevan dengan fakta yang dikemukakan berbanding huraian pada perenggan kedua.

**Soalan 7 (a)(i)**

(*a*) Jelaskan asas pembentukan Perlembagaan di negara kita seperti berikut:

(i) Undang-undang Negeri Melayu

Calon dikehendaki menjelaskan asas pembentukan Undang-undang Negeri Melayu.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Undang-undang di Negeri Melayu ialah raja sebagai pemerintah. Selain itu, rakyat mestilah memberi ~~taat~~ setia kepada pemerintah. Akhir sekali, mempunyai undang-undang seperti undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka.

Calon dapat menjelaskan asas pembentukan Undang-undang Negeri Melayu dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Undang-undang Negeri Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Undang-undang ini diwujudkan bagi memastikan urusan ~~kerajaan Melayu Melaka~~ kesultanan Melayu Melaka berjalan secara sistematik

Calon hanya dapat memberi contoh kepada asas pembentukan Undang-undang Negeri Melayu sahaja.

**Soalan 7 (a)(ii)**

(ii) Undang-undang Inggeris

Calon dikehendaki menjelaskan asas pembentukan Undang-undang Inggeris di negara kita.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Undang-undang Inggeris ialah British memperkenalkan charter of Justice di negeri-negeri Selat. Undang-undang ini diambil daripada England. Di Sarawak, diperkenalkan undang-undang The Sarawak Application of Law Ordinance. Akhir sekali, di Sabah pula merupakan Sabah Application of Laws Ordinance.

Calon dapat menjelaskan empat asas pembentukan Undang-undang Inggeris dengan jelas.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

undang-undang inggeris digubal oleh orang Inggeris contohnya Charlie of Justice yang diperkenalkan oleh British kepada negara kita.

Calon hanya dapat menyatakan satu asas pembentukan Undang-undang Inggeris sahaja.

## Soalan 7 (b)

(*b*) Terangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.

Calon dikehendaki menjelaskan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula dengan negeri Undang-undang Perak 1877 sehingga pemisahan Singapura 1965.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Pada tahun 1881, undang-undang pertama di Perak yang dibawa oleh Raja Muda Perak. Beliau menggubal undang-undang berkaitan dengan Perak. Pada tahun 1946, undang-undang Negeri-negeri Selat digubal di Majlis Undangan Negeri. Di negeri-negeri Melayu bersekutu pula ~~did~~ digubal di Majlis Persekutuan manakala negeri-negeri Melayu tidak bersekutu oleh Majlis Negeri. Seterusnya, pada tahun 1948, persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditubuhkan menggantikan Malayan Union. Akhir sekali, pada tahun 1957, suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan ditubuhkan selepas negara mencapai kemerdekaan. Ia juga dikenali sebagai Suruhanjaya Reid yang berteraskan model westminster.

Calon dapat menjelaskan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula dengan negeri Undang-undang Perak 1877 sehingga pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Penggubalan perlembagaan persekutuan ~~dit~~ diperkenalkan oleh Tunku Abdul Rahman untuk membuka klausa baru untuk menyesuaikan keperluan semasa. Seterusnya, pindaan perlembagaan 1963 ditubuhkan. ~~Tiga~~ mahkamah diwujudkan seperti Mahkamah Tinggi yang berasaskan mahkamah tertinggi England. Kemudian Mahkamah Tinggi Borneo untuk membincangkan isu-isu pentadbiran Sabah dan Sarawak serta jawatan Yang di-Pertuan Negeri yang diwujudkan untuk kerajaan Sabah dan Sarawak. Kemudian, pindaan Perlembagaan 1965 ditubuhkan untuk mengubah isu berkaitan dengan Singapura.

Calon hanya dapat menjelaskan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan berkaitan pindaan 1963 dan 1965 sahaja.

**Soalan 7 (c)**

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Penghayatan terhadap Perlembagaan akan mengurangkan jurang konflik yang sering kali dibangkitkan masyarakat, khususnya membabitkan isu seperti agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Institusi Raja-Raja Melayu.
>
> Keluarga Malaysia wajib mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional dengan semangat kekitaan, prihatin, inklusif, saling menghormati dan bertanggungjawab. Semua ini, demi melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan perpaduan.
>
> Dalam mempergiat program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni serta memperkasa modul kenegaraan dalam pendidikan formal dan pendidikan sepanjang hayat, kita juga perlu memasyarakatkan Perlembagaan.
>
> Memasyarakatkan Perlembagaan bererti masyarakat perlu didedahkan dengan Perlembagaan bukan hanya dari aspek perundangan semata-mata, tetapi juga dari sudut sejarah, budaya, agama, politik dan hubungan etnik.
>
> Sumber ubah suai : bhrencana@bh.com.my 21 November 2021

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika dilaksanakan.

Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan kesan terhadap negara jika dilaksanakan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

c) Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah penghayatan terhadap perlembagaan akan mengurangkan konflik. Hal ini kerana apabila rakyat menghayati perlembagaan seperti rukun negara ia akan mengurangkan isu perkauman kaum dari segi agama, bahasa melayu, kedudukan istimewa orang melayu dan institusi raja-raja melayu. Contohnya, rakyat akan saling menghormati antara kaum. Kesannya, jika perkara ini terus dilaksanakan nescaya dapat membentuk sebuah negara yang berdaulat. Oleh itu, rakyat mestilah meneruskan penghayatan ini. Kesimpulannya, dapat mengelakkan isu masalah kaum.

Selain itu, rakyat serta pemerintah wajib mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Hal ini kerana, kedaulatan negara terletak kepada rakyat yang sentiasa bekerjasama tanpa mengira kaum. Contohnya, rakyat membentuk identiti nasional dengan semangat kerakyatan, prihatin, inklusif, saling menghormati dan bertanggungjawab. Kesannya, negara dapat melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan perpaduan. Oleh itu, kita mestilah bekerjasama dalam mengekalkan perkara ini. Kesimpulannya, kerjasama ini akan mendatangkan kejayaan kepada negara kita.

Seterusnya, kita juga mestilah memasyarakatkan perlembagaan. Hal ini kerana, perlembagaan merupakan perkara yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, negara dapat memupuk perkara ini melalui program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni. Kesannya, perpaduan antara kaum dapat diwujudkan. Oleh itu, kerajaan mestilah melaksanakan perkara ini. Kesimpulannya, perlembagaan akan diterapkan oleh setiap masyarakat.

Akhir sekali, perlembagaan bukan sahaja bersifat masyarakat perlu didedahkan dengan perlembagaan dari aspek perundangan semata-mata. Hal ini kerana, perlembagaan merangkumi semua aspek seperti sejarah, budaya, agama, politik dan hubungan etnik. Contohnya, negara boleh menganjurkan dasar kebudayaan kebangsaan. Kesannya, ia dapat memupuk hubungan kaum melalui kebudayaan serta membentuk peribadi yang mulia. Oleh itu, masyarakat perlu mengetahui perkara ini agar perlembagaan negara dapat dikekalkan.

Calon berjaya menghuraikan semua maklumat yang terkandung dalam petikan dan memberikan hujah yang munasabah sekiranya perkara tersebut dilaksanakan. Laras bahasa yang digunakan menunjukkan kematangan pemikiran calon.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara jika dilaksanakan ialah masyarakat Malaysia wajib mengukuhkan perpaduan berasaskan Rukun Negara agar taraf hidup rakyat meningkat. Selain itu, semangat prihatin dan saling menghormati antara kaum perlu diperkukuhkan supaya imej negara meningkat dan negara menjadi makmur. Seterusnya, semangat ini dapat melahirkan masyarakat yang memperkukuhkan perpaduan negara. Kesannya, ekonomi negara akan terjaga dan meningkat kerana masyarakat mengutamakan perkembangan. Kesimpulannya, kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab perlulah menghormati antara kaum untuk memperkukuhkan semangat perpaduan.

Maklumat dan kesan yang dikemukakan calon tidak menyeluruh kerana hanya berkisar kepada perenggan kedua sahaja.

**Soalan 8 (a)**

Pada hari ini (9 Ogos 1965), Singapura telah dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia. Singapura menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Sumber: https//hariinidalamsejarah.com.

(*a*) Mengapakah Singapura menyertai Persekutuan Malaysia?

Calon perlu menjelaskan sebab Singapura mahu menyertai Persekutuan Malaysia.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

a) Singapura menyertai Persekutuan Malaysia ialah bagi mengatasi ancaman komunis yang berlaku di Singapura. Selain itu, Singapura merasakan apabila menyertai Persekutuan Malaysia mereka dapat meningkatkan ekonomi di Singapura. Seterusnya, Singapura menyertai Malaysia kerana ingin mempercepatkan kemerdekaan. Akhir sekali, penyertaan Singapura dalam Persekutuan Malaysia dapat mempercepatkan pembagunan wilayah.

Calon dapat menjelaskan empat sebab Singapura menyertai Persekutuan Malaysia dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

(a) Singapura menyertai Persekutuan Malaysia kerana ingin menjaga keselamatan negara. Sebab lain ialah bagi meluaskan kawasan pasaran Singapura.

Calon hanya dapat menjelaskan dua sebab Singapura menyertai Persekutuan Malaysia.

**Soalan 8 (b)**

(*b*) Terangkan faktor pemisahan Singapura.

Calon dikehendaki menerangkan faktor pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

b) Faktor Pemisahan Singapura disebabkan oleh tiga aspek iaitu Politik, Ekonomi dan hubungan antara kaum.

Dari aspek politik, Lee Kuan Yew tidak berpuashati dengan peranan Singapura dalam Malaysia. Selain itu, terdapat pertelingkahan antara Parti Perikatan dan People's Action Party (PAP). Kemudian, Lee Kuan Yew melancarkan kempen Malaysian Malaysia. Kempen ini bertujuan untuk menuntut hak kesamaan antara kaum.

Dari aspek ekonomi, Singapura menuntut ~~tuk~~ Persekutuan Tanah Melayu mempercepat penubahan Common Market.

Selain itu, Singapura ingin mengenakan faedah terhadap pinjaman kerajaan ~~Per~~ Persekutuan daripada Singapura untuk membangunkan ~~kerajaan~~ Sabah dan Serawak. Kemudian, Singapura tidak bersetuju dan tidak berpuas hati dengan penambahan cukai oleh kerajaan Persekutuan.

Dari aspek hubungan antara kaum, berlaku rusuhan kaum di Singapura. Ia berlaku pada 21 Julai 1964. Rusuhan ini berlaku akibat pertuntutan hak persamaan antara kaum.

Calon dapat mengemukakan tiga faktor utama pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia berserta huraian yang mendalam dan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Faktor disebabkan ketidakpuasan hati. Lee Kuan
Yew tidak berpuas hati dengan peranan yang diberikan.
~~Singapura [illegible]~~ Penglibatan Singapura
dalam pentadbiran adalah terhad. Kebajikan rakyat
di Singapura terabai. Menyebabkan berlaku rusuhan
di Singapura. Singapura juga dikenakan cukai tambahan.
Menyebabkan Lee Kuan Yew tidak berpuas hati.
Rusuhan yang berlaku menyebabkan ketidakstabilan
di Singapura. Tuntu Abdul Rahman. bertindak tidak
adil terhadap Singapura.

Calon dapat mengemukakan tiga faktor utama pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia tetapi memberikan huraian yang terhad.

**Soalan 8 (c)**

(c) Pada pendapat anda, bolehkah pemisahan tersebut dielakkan?
Beri hujah anda.

Calon dikehendaki menyatakan pendirian sama ada pemisahan tersebut boleh dielakkan ataupun tidak serta memberikan hujah bagi menyokong pendirian tersebut.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(c) Pada pendapat saya, permisahan Singapura tidak dapat dielakkan. Ini kerana Lee Kuan Yew meminta hak sama rata bagi setiap kaum. Permintaan ini tidak dapat dicapai kerana bertentangan Perlembagaan Persekutuan. Dalam perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong perlu jaga kedudukan istimewa Orang Melayu. Ini disebabkan Orang Melayu merupakan penduduk asal ~~Pers~~ PTM. Selain itu, rusuhan kaum yang berlaku telah menyebabkan banyak kehilangan nyawa dan kemusnahan ~~har~~ ~~hata~~ harta benda. Nyawa yang terkorban tidak dapat dipulangkan. Jika Singapura tidak dipisah, hubungan renggang antara kaum tidak dapat ditangani dan sekali gus menjejaskan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat. Di samping itu, ideologi politik antara pemimpin Singapura dan PTM berbeza. Ini menyebabkan konflik selalu berlaku dan politik tidak stabil. Kesannya, imej negara akan dipengaruhi.

Calon dapat menyatakan pendirian dengan memberikan hujah yang sangat jelas dan menampakkan kematangan pemikiran serta menggunakan laras bahasa yang menarik.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

(c) Pada pendapat saya, pemisahan tersebut tidak boleh dielakkan kerana Singapura ingin menjadi negara yang berdaulat Selain itu, Singapura ingin mempunyai pentadbiran dan undang-undang negara sendiri. Seterusnya, Singapura tidak sanggup didaulat oleh Persekutuan Malaysia. Dengan itu, Singapura juga ingin mempunyai pendidikan dan menguruskan kewangan negaranya.

Calon dapat menyatakan pendirian namun hujah yang diberikan tidak menampakkan kematangan.

**Soalan 9 (a)**

**9** Malaysia menjadi anggota banyak pertubuhan antarabangsa.

(*a*) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa?

Calon dikehendaki memberikan pendapat sebab Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

SOALAN 9

a) Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa bagi mengharumkan nama negara Malaysia dan menaikkan imej negara sebagai negara yang berkebolehan untuk menyumbang tenaga kepada keamanan dunia. Selain itu, Malaysia juga ingin memelihara keamanan dunia daripada unsur ketidakadilan dan monopoli kuasa bagi mewujudkan dunia yang aman damai untuk rakyatnya. Seterusnya, hal penyertaan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa juga atas tujuan mengeratkan hubungan diplomatik antara negara yang dibentuk supaya negara kita mendapat kepentingan politik, ekonomi dan sosial dengan negara luar. Seterusnya, Malaysia juga ingin menerapkan dasar dan prinsip kerajaan yang menjunjung hak asasi manusia dan kesejahteraan rakyat bagi apabila menyertai pertubuhan ini. Selainnya penyertaan Malaysia juga disebabkan kebijaksanaan pemerintah yang berpandangan jauh. Seterusnya, faktor persekitaran juga mempengaruhi penyertaan negara apabila negara mengikut arus itu semasa dan mengambil tindakan yang sesuai dengan kepentingan negara.

Calon dapat menjelaskan sebab Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa dengan tepat berserta dengan huraian yang sangat jelas.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

(a) Pada pendapat saya, Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa kerana menyokong piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu mengekalkan keamanan dunia. Selain itu, menjaga hak asasi manusia dan pertengahan dalam prinsip taraf hidup dan hak asasi manusia.

Calon hanya menyatakan satu sebab Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa serta dua huraian yang berkaitan.

**Soalan 9 (b)**

(*b*) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Calon perlu menerangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(b) Pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
telah Malaysia menduKung piagam PBB. piagam PBB mengadakan
untuk melindungi hak asasi manusia. Selain itu, Malaysia terlibat
dalam UNESCO. Hasilnya, banyak tapak-tapak sejarah Malaysia
diiktiraf oleh UNESCO. Selain itu, Malaysia terlibat
dalam misi pengaman di negara bergolak. Contohnya, negara Republik
Congo. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam misi pemerhati.
Contohnya, negara Republik Congo. Selain itu, Malaysia
terlibat dalam WHO. Selepas itu, Malaysia terlibat dengan UNHCR.

Calon dapat membuktikan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui contoh yang tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

(b) Dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia telah menyertai
misi pengaman. Antaranya di Kemboja, Timor Leste, ~~Congo~~ dan
dan Congo. Selain itu, Malaysia turut menyertai misi pemerhati.
Misi tersebut tidak melibatkan senjata api. Seterusnya, terdapat
rakyat Malaysia yang menjadi tokoh dalam Pertubuhan Bangsa-
Bangsa Bersatu, seperti Dr. [illegible]

Calon masih dapat membuktikan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui contoh yang terhad.

**Soalan 9 (c)**

(*c*) Baca maklumat berikut.

> Malaysia juga dengan lantang bersuara menentang dasar Aparteid di Afrika Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia. Dasar Aparteid merupakan dasar yang membezakan hak dan kedudukan kaum mengikut warna kulit.
>
> Mengikut dasar ini, orang kulit putih di Afrika Selatan dianggap sebagai golongan istimewa manakala orang kulit hitam dianggap golongan bawahan yang tidak mempunyai sebarang hak dari segi politik.
>
> Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberi kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing. Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang keras dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.
>
> Malaysia turut menyokong sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan, ketika dasar ini dilaksanakan oleh orang kulit putih. Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sehinggalah dasar itu dihapuskan. Bantahan daripada negara Komanwel terhadap dasar ini menyebabkan akhirnya Afrika Selatan disingkirkan daripada pertubuhan Komanwel.
>
> Sumber ubah suai : https://m-update.com 20.2.2019

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

Calon dikehendaki menjelaskan maklumat dan memberikan ulasan terhadap maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(c) Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah mengenai bantahan ~~Malaysia~~ keras ~~terhadap~~ Malaysia terhadap dasar Aparteid yang dijalankan di Afrika Selatan. Hal ini kerana dasar tersebut telah menyalahgunakan hak asasi manusia. Selain itu, dasar Aparteid merupakan dasar yang membandingkan hak ~~mengikut~~ dan kedudukan kaum berdasarkan warna kulit. Contohnya, ~~orang~~ Orang yang mempunyai kulit putih di Afrika Selatan dikenali sebagai golongan istimewa manakala orang yang berkulit hitam pula sebagai golongan bawahan dan tidak mempunyai suara dan hak pilih. Hal ini sangat bertentangan dengan negara Malaysia, walaupun mempunyai rakyat daripada pelbagai kaum ~~namun~~ dan agama tetapi semuanya diberikan kebebasan untuk mengamalkan ~~hidup~~ budaya hidup dan agama masing-masing. Amalan yang berlandaskan perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia ~~mengebe~~ mengakibatkan Malaysia membantah dengan ~~kerena~~ tegas terhadap dasar Aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan. Oleh hal yang demikian, Malaysia sangat menyokong sekatan ekonomi yang dikenakan kepada Afrika Selatan. ~~apabila~~ Contohnya, ~~memutuskan~~ tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sehingga dasar tersebut dimansuhkan. ~~Selain itu~~, Hal ini menyebabkan Afrika Selatan ~~dipinggir~~ dibuang daripada pertubuhan Komanwel apabila terdapat bantahan daripada negara Komanwel terhadap dasar ini. Dengan itu, kita seharusnya tidak membeza-bezakan antara satu sama lain kerana setiap manusia mempunyai keistimewaan dan kelebihan masing-masing. Jika hal ini berterusan, akan menimbulkan ~~perang~~ peperangan. Hal ini menyebabkan dunia akan huru-hara. Malahan, akan berlakunya banyak kerosakan seperti pemusnahan bangunan. Secara tidak langsung akan mengugat keselamatan rakyat.

Calon dapat mengesan maklumat dalam petikan dan memberikan ulasan yang berkesan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

c) Antara maklumatnya ialah menentang dasar Apartid di Afrika
Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia. Selain
itu, orang ~~putih~~ kulit putih di Afrika Selatan dianggap
sebagai golongan istimewa manakala orang kulit hitam dianggap
golongan bawahan. Seterusnya, pelbagai kaum dan agama
diberikan kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya
hidup dan agama masing-masing. Selepas itu, Malaysia
tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika
Selatan sehinggalah dasar itu dihapuskan.

Calon hanya dapat menjelaskan maklumat tanpa memberikan ulasan terhadap penyataan tersebut.

## 2.5 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

### 2.5.1 Calon

a) Menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum dan bukannya mengikut urutan nombor soalan.
b) Menulis jawapan dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap berserta contoh-contoh yang sesuai.
c) Menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.
d) Memastikan tulisan mudah dibaca oleh pemeriksa bagi membolehkan pemeriksa mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan.
e) Memahirkan diri menguasai pelbagai bentuk soalan KBAT berstimulus sebagai persediaan menjawab soalan KBAT bagi memperoleh markah maksimum.
f) Menguasai isu semasa bagi memudahkan idea yang bernas dikeluarkan untuk menjawab soalan KBAT.
g) Merujuk koleksi Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

### 2.5.2 Guru

a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
c) Mendedahkan dengan cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
d) Melatih calon menulis jawapan dalam bentuk esei dengan menggunakan struktur ayat yang lengkap dari peringkat menengah rendah.
e) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdPc) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
f) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
g) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal.
h) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdPc.
i) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
j) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
k) Sentiasa mengingatkan murid agar memastikan tulisan mereka mudah dibaca dan difahami pemeriksa.

# Penghargaan

**PENASIHAT:**
DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

**PENGERUSI:**
ENCIK BASRI BIN HASSAN

**URUS SETIA:**
DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB
DR JAIN BIN CHEE
PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN
PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

**EDITOR:**
ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)
PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)
PUAN NORHATINI BINTI SHAARI
PUAN FAIZAH BINTI SAMAD
ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS
ENCIK MAHADI BIN MAHMOD

**PANEL PENULIS:**
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2
KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2
KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2
KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2